

Soalan No: 50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]****TARIKH : 10.8.2017****SOALAN :**

**Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan bangunan gantian baru bagi SK Pekan Pitas dan SK Muhibbah Kudat dapat dilaksanakan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek SK Pekan Pitas sedang dalam proses dimuktamadkan reka bentuk dan dijangka ditender seawal April 2018, tertakluk kepada tempoh yang diambil pihak berkuasa tempatan dalam meluluskan pelan pembangunan projek tersebut. Manakala pelaksanaan projek SK Muhibah, Kudat masih di peringkat awalan iaitu *survey and soil investigation*.